

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*

Bahaya Qadiyani dan cara menyingkirkannya

Saringan ceramah al-Shaykh al-Sayyid Fakhr al-Ḥasan Ṣāhib, mahaguru di bahagian tafsir dan hadith di Darul Uloom Universiti Deoband, yang diadakan oleh Persatuan Pelajar-pelajar Melayu di Deoband India, (PEMUDA) di rumah persatuannya “Ḥamīd Manzil” pada 3 haribulan Jun 1961.

(Disusun oleh: Salahuddin Ali)

Mahaguru Universiti Darul Uloom itu berkata perempuan? antara lainnya: Di dalam risalahnya (*Arba ‘īn*) ada menerangkan yang ianya Bahawa ((Qadiyani)) itu ialah sebuah kampung yang Mīka’īl *‘alayhi al-salām*. Dakwaannya ini juga menimbulkan letaknya di salah satu kawasan dalam jajahan Punjab pertanyaan adakah dia manusia atau malaikat? India. Di sana timbullah ((Mirza Ghulam Ahmad)). Selepas itu dia mendakwa bahawa dia ialah nabī-nabī Pertama kalinya dia mengaku menjadi seorang Ibrāhīm, Nūḥ, Mūsā, Dāwūd, Yūsuf dan Yaḥyā mujaddid dalam kurun yang keempat belas ini. Pengakuannya ini *‘alayhim al-salām*. Hatta Muhammad (S.A.W) pun dia juga ternyata sebagaimana yang disebut di dalam kitabnya ((*Izālat al-Awhām* muka 154). Kalau begitu keadaannya gilakah Mirza Ghulam itu atau siuman? Bahkan dalam setengah buku-buku karangannya ada membayangkan bahawa dia lebih afdal daripada sekalian anbiya’ dan mursalīn. Untuk mengetahui lebih dalam silalah Setelah dia mendapat peluang pula untuk menyebarkan fahamnya itu mulailah dia mendakwa bahawa dialah Imam Mahdi yang dijanji akan bangkit pada akhir zaman nanti. kembali menyelidiki kitab-kitab karangannya supaya dapatlah Dakwaannya ini ada tersebut di dalam kitabnya yang bernama keyakinan yang penuh. Periksalah buku-bukunya: *Nuzūl al-Masīḥ* ((*Mi ‘yār al-Akhyār*). Selepas itu banyaklah dakwaan-dakwaan dan di muka 4 dan 99, *Izālat al-Awhām* di muka 253, pengakuan-pengakuannya yang palsu. Dia mendakwa bahawa dialah ‘Īsā *Ḥaqīqat al-Wahy* di muka 72, *al-Barāhīn al-Aḥmadiyyah* di muka ibn Maryam yang akan turun pada akhir zaman. Konon dia 90 dan lain-lainnya. juga Maryam ibu ‘Īsā *‘alayhi al-salām*. Dakwaannya ini Setelah saya menyelidiki segala dakwaannya dan menyebabkan orang bertanya adakah dia itu lelaki atau mengumpulkan kebanyakan tulisannya – maka nyatalah dengan

tidak syak lagi bahawa dia telah mendakwa menjadi nabi dan rasul dan ada diturunkan wahyu kepadanya. Dia mengatakan beriman dengan wahyunya itu wajib sebagaimana beriman dengan Qur'an juga, dan kerana itu dia telah menyesat dan mengkafirkan orang Islam yang menolak wahyunya dan tidak percaya kepada dirinya menjadi nabi dan rasul. Pada hal al-Qur'an al-Karim sendiri telah menyeru dengan suaranya yang lantang, bahawa nabī kita Muḥammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* adalah Rasulullah dan penyudah segala nabi-nabi. Demikian juga hadith-hadith dan *athār-athār* tentang ini amatlah banyaknya. Bapa pendusta ini telah mengingkarkan akan *khātām al-nubuwwah* yang Qur'an sendiri telah menetapkannya, dan dia telah menyalahi hadith-hadith dan ijmak' ulama dengan berbagai-bagai helah dan akuan yang sesat dan salah. Tujuan utamanya tak lain daripada mengabui mata orang-orang yang jahil. Walau bagaimana pun pengikut-pengikutnya telah berpecah kepada tiga kumpulan: Kumpulan pertama mengatakan bahawa dia ialah mujaddid dan Imam Mahdi sahaja, bukan nabi atau rasul. Markas kumpulan ini bertempat di Lahore Pakistan. Kumpulan yang kedua mengakui bahawa dia ialah nabi lagi rasul yang sempurna, dan juga al-Masīh ibn Maryam yang dijanjikan akan turun, dengan tiada membawa syariat baharu dan tidak menghapuskan syariat yang terdahulu (syariat Muhammad (S.A.W)). Mereka ini terdiri daripada penduduk-penduduk Qadiyani dan anaknya sendiri yang juga menjadi khalifahnyanya yang kedua. Kumpulan ketiga pula mendakwakan bahawa dia ialah nabi lagi rasul dengan membawa syariat yang baharu dan wahyu yang baharu. Agama yang dahulu semuanya mansuh. Pada hari ini pengikutnya sahajalah

yang mendapat hadiah dan kejayaan. Ketua kumpulan ini bernama Zahiruddin al-Arubi. Kita (Ahli Sunnah Wal Jamaah) tidak merasa syak tentang mereka kesemuanya kafir murtad.

Kemudian kumpulan yang ketiga ini mendapat cara dan aturan daripada ketuanya yang pertama dengan bermacam-macam helah dan tipu daya untuk menyampaikan seruannya itu, dan mengabui mata orang-orang jahil. Mereka membaca Qur'an dan bersembahyang, serta menggula-gulkan dengan berbagai-bagai perkataan tetapi hati mereka tetap terpelencong. Mereka sembunyikan hakikat faham Qadiyani itu supaya mudah dapat bercampur gaul dengan orang-orang Islam



Inilah dia gambar Mirza Ghulam Ahmad yang mengaku menjadi nabi dan anak tuhan. Inilah dia “nabi” kaum

Qadiyani.

dan menunggu peluang baik untuk menanamkan helah dan tipu dayanya serta khurafat-khurafatnya.

Saya tahu bahawa musibah dan bala ini telah meresap di India dan juga di negeri-negeri yang lain. Dipohonkan Allah supaya dipelihara orang-orang Islam daripada musibah dajal Qadiani dan pengikut-pengikutnya ini yang bertujuan hendak memfitnahkan orang-orang Islam.

Cara menolak dan menyingkirkan faham Qadiani

Untuk menolak dan menyingkirkan akuan-akuan dan dakwaan-dakwaannya yang palsu lagi sesat itu, dan juga bagi menjawab akan kata-kata dan fitnah-fitnah yang telah dilemparkan ke atas orang Islam tadi, marilah kita menyemak kembali kepada Qur'an dan hadith yang menetapkan bahawa Nabi Muhammad (S.A.W) itu *khātam al-'anbiyā' wa al-mursalīn* dengan tidak syak lagi. Dalam surah al-Ahzāb ayat 40 dengan terangnya firman Allah Ta'ālā: *Mā kāna Muḥammadun abā aḥadin min rijālikum wa lākin rasūlallāhi wa khātama al-nabiyyīna wa kāna Allāhu bi kulli shay'in 'alīma*. Maknanya: "Bukanlah Muhammad itu bapa salah seorang daripada kamu tetapi ia adalah Rasulullah dan penyudah segala nabi-nab, dan adalah Allah amatlah mengetahui akan segala sesuatu."

Tafsir *Rūḥ al-Ma'ānī* di muka 59 jilid 7 ada mentafsirkan ayat ini demikian: Makna *khātam al-nabiyyīn* itu iaitu penyudah sekalian nabi-nabi dan dialah akhir segala nabi-nabi, ayat-ayat Qur'an sendiri banyak yang datang mentafsirkan ayat ini seperti: ((*wa mā arsalnāka illā rahmatan li al-'ālamīn*)), ((*wa mā arsalnāka illā kāfatan li al-nās*)) dan ((*innī rasūlullāhi ilaykum jamī'ā*)), *al-āyah*.

Hadith-hadith dan *athār-athār* yang bersangkutan dengan ini amatlah banyak, seperti hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi: ((*lā taqūmu al-sā'atu ḥattā yub'atha dajjālūna kadhḥābūna kulluhum yuz'umu annahu nabī, anā khātam al-nabiyyīna lā nabiyya ba'dī*)). Maknanya: ((Tidak berlaku kiamat hingga dibangkitkan beberapa dajal-dajal pendusta, semuanya mengaku bahawa dia adalah nabi, pada hal aku penyudah sekalian nabi-nabi dan tidak ada lagi nabi selepasku.)) Di dalam (hadith) ibn Majah pula: ((*ana 'ākhiru al-anbiyā'i wa antum ākhiru al-'umam*)) (aku akhir sekalian nabī-nabī dan kamu akhir sekalian umat-umat).

Sahabat-sahabat pula mentafsirkan maksud ayat dan hadith-hadith ini tidak kurang banyaknya, sebagaimana yang tersebut di dalam tafsir ibn Jarir: '*an Qatādah raḍīyy Allahu 'anhu: ((wa lākin rasūlallāhi wa khātama al-nabiyyīn)) ay akhiruhum* (akhir sekalian nabi-nabi). Di dalam *al-Dur al-Manthūr* pula: '*an hasan raḍīyy Allahu 'anhu fī qawlihi ((wa khātama al-nabiyyīn)) qāla khatama Allāhu al-nabiyyīn bi Muḥammad (S.A.W) wa kāna 'ākhir min ba'th*. Maksudnya: "Disudahkan Allah akan nabi-nabi dengan Muhammad (S.A.W) dan adalah ia akhir mereka yang diutuskan". Maka dengan apa yang tersebut, dari manakah lagi jalan dapat pengikut-pengikut Qadiyani mentakwilkan ayat-ayat dan hadith-hadith itu dengan berbagai makna dan *iḥtimāl*? Ini tidak lain melainkan mengikuti hawa nafsunya yang gelojoh sahaja, *wa al-'iyādhu billāh*.

